

24/02/1997

DAP setuju pendapat PM

KUALA LUMPUR, Ahad - DAP hari ini menyokong pendapat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyifatkan tindakan polis menggari pelajar yang disyaki terbabit dengan jenayah adalah tidak perlu.

Timbalan Pengerusi DAP Wilayah Persekutuan merangkap Setiausaha Publisiti Kebangsaan DAP, Wee Choo Keong, berkata berikutan itu, polis diharap lebih sensitif ketika berurusan dengan masyarakat.

"Polis seharusnya mengelak daripada menggari orang ketika ditahan atau akan didakwa di mahkamah kecuali jika mereka mendapati orang yang disyaki berbahaya atau didakwa kerana kesalahan serius.

"Ini kerana masyarakat membantah perbuatan menggari mereka yang ditahan kerana kesalahan trafik atau tidak hadir ke mahkamah atas dakwaan melakukan kesalahan trafik," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan, di sini.

Choo Keong berkata, polis perlu peka apabila berurusan dengan pelajar sekolah kerana golongan itu masih remaja dan masa depan mereka perlu diambil kira.

Menurut beliau, polis perlu sedar yang kerajaan memberi perhatian istimewa ke atas remaja.

(END)